

HOBİ BERTANI BANYAK MANFAAT

Oleh: Muhammad Firdaus bin Johari, 1172405

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 July 2020

Bercucuk tanam adalah salah satu hobi yang mudah, bermanfaat dan menguntungkan. Ia juga boleh dilakukan dalam skala yang kecil di sekeliling rumah.

Sejak dari dahulu, datuk dan nenek saya bercucuk tanam bagi menampung kehidupan mereka. Antara tanaman yang mereka usahakan adalah ubi kayu, jagung, sengkang, kacang panjang, dan timun.

Namun, pada masa kini, bertani dianggap sebagai hobi bagi mengisi masa terluang oleh masyarakat khususnya golongan suri rumah dan pesara.

Keluarga saya sendiri menanam pelbagai jenis sayur-sayuran dan ulam-ulaman. Antaranya kangkung, kesum, selom, kari, kunyit, serai, lada api, ulam raja dan tenggek burung.

Hobi kami ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos perbelanjaan seharian, malah membantu kami sekeluarga menambah pendapatan.



Antara tanaman yang ditanam oleh keluarga saya iaitu serai, pokok kari dan ulam raja.

Aktiviti bercucuk tanam bukan sahaja dijalankan oleh di kawasan kampung malah boleh dilakukan di bandar walaupun ruang di sekitar kediaman mereka mempunyai keluasan yang agak terhad.

Hobi ini sebenarnya tidak memerlukan tanah yang luas, modal yang besar dan masa yang panjang untuk mendapatkan hasilnya.

Hasil dari bercucuk tanam bukan sahaja digunakan untuk keperluan sendiri tetapi boleh juga dijual dan dipasarkan bagi menambah pendapatan.

Apabila tiba musim perayaan, antara hasil tanaman yang sering mendapat permintaan yang tinggi daripada pemborong adalah serai, daun kunyit dan lada api.

Bercucuk tanam secara hidroponik merupakan satu alternatif bagi mereka yang mempunyai kawasan tanah yang kecil.

Melalui kaedah ini tanaman hanya perlu ditanam di dalam bekas yang mengandungi air dan bahan-bahan seperti sabut, bulu mineral, batu-bata pecah dan habuk kayu tanpa menggunakan tanah. Antara sayuran yang boleh ditanam adalah sawi, bayam, kangkung dan kailan.

Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang dihadapi dalam bertani. Serangan serangga dan monyet antara masalah yang sering dihadapi. Pelbagai cara dilakukan untuk mengatasinya seperti menyembur racun serangga dan memasang penghadang atau pagar.

Selain menikmati hasil tanaman yang segar, kita juga dapat mengisi masa lapang, menjimatkan perbelanjaan dan mengamalkan gaya hidup sihat bersama keluarga melalui bertani lebih-lebih semasa tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tidak rugi berbudi pada tanah kerana banyak faedah, manfaat dan keberkatan yang kita peroleh melalui kegiatan ini.

Seperti yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, dari Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “Mana-mana orang Islam yang bercucuk tanam kemudian dimakan daripadanya burung, manusia atau binatang tiada yang lain kecuali baginya sebagai sedekah.”